



TIGA PRINSIP PERLU DIPEGANG OLEH AHLI MAJLIS PBT – MB KELANTAN

KUNJUNGAN DUTA BESAR CHINA KE KELANTAN PERKUKUH HUBUNGAN DIPLOMATIK

KEBERSIHAN LUARAN GERMINAN KESUCIAN DALAMAN - DATO' DR. MOHAMED FADZLI

KELANTAN BELANJA RM28.6 JUTA BANTU SELURUH PBT TAHUN 2024

KELANTAN KOMITED JALIN KERJASAMA DENGAN PERSEKUTUAN, TANGANI ISU RAKYAT

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 12 Januari – Kerajaan Negeri Kelantan terus menzahirkan komitmen menjalin kerjasama erat dengan Kerajaan Persekutuan dalam usaha menangani pelbagai isu rakyat, termasuk masalah pemilikan strata.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata usaha tersebut adalah bukti nyata kejayaan sinergi antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

"Inisiatif penyelesaian hakmilik strata Skim Desa Maju Padu Apartment melalui Tabung Khas Hakmilik Strata bermula pada Mac 2021 dan berjaya mencapai matlamatnya pada Ogos 2024.

"Pengeluaran geran hakmilik strata pula telah dilaksanakan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan," katanya



menerusi kenyataan di media sosial pada Khamis.

Beliau turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran proses pengeluaran geran tersebut, seterusnya menyelesaikan isu pemilikan strata yang sekian lama membelenggu rakyat.

"Komitmen ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri da-

lam merealisasikan prinsip Penghayatan Membangun Bersama Islam. Dengan semangat kerjasama yang kukuh, insya-Allah lebih banyak kejayaan dapat dicapai demi manfaat dan kesejahteraan rakyat," tambahnya.

Terdahulu, Menteri Besar menghadiri Majlis Penyampaian Mock Title Hakmilik Strata bagi Skim Desa Maju Padu Apartment, Kampung Cina, Kota Bharu, ber-

“

Komitmen ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam merealisasikan prinsip Penghayatan Membangun Bersama Islam. Dengan semangat kerjasama yang kukuh, insya-Allah lebih banyak kejayaan dapat dicapai demi manfaat dan kesejahteraan rakyat.”

sama Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, YB Nik Nazmi Nik Ahmad.

Majlis itu turut dihadiri Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr Izani Husin, Presiden Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) YB Dato' Abdul Rahman Yunus dan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Dato' Rosnazli Amin.



KERAJAAN JADI PEMUDAH CARA URUSAN RAKYAT, ALLAH PERMUDAHKAN URUSAN KERAJAAN – EXCO PENERANGAN

Oleh: Norzana Razaly

JOHOR, 12 Januari - Exco Pembangunan Islam, Penerangan, Dakwah dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa berusaha mempermudah urusan kebajikan rakyat dengan menjadikannya perbincangan dan keputusan pada setiap kali mesyuarat exco.

Bersandarkan hadis Rasulullah SAW daripada Sahih Muslim: 4867 yang bermaksud, “Sesiapa yang memudahkan urusan orang yang berada dalam kesukaran, maka Allah akan mempermudah urusannya di dunia dan akhirat”, beliau mentaukid kenyataan tersebut.

“Ini keyakinan kita bahawa Allah akan mempermudah urusan kerajaan apabila kerajaan mempermudah hal ehwal rakyat,” katanya dalam majlis Jelajah PMBI Pimpinan Kerajaan Negeri Bersama Warga Kelantan 2024 di Perantauan Zon Selatan di Dewan Serbaguna Taman Scientex, Pasir Gudang, pada Sabtu.



“Boleh dikatakan kita di Kelantan sudah bagi lebih daripada setengah juta ekar (528,429 ekar) tanah kepada rakyat sejak tahun 1990 sampai 2023 dengan 80,972 geran hak milik.

“Bayaran premium pula diberi kurang 90 peratus dan dilanjutkan tempoh bayaran hingga bulan tiga (Mac) supaya rakyat pun dapat bantu kerajaan melalui pembayaran cukai tanah,” jelasnya.

Beliau juga memetik sabda Rasulullah SAW, riwayat Muslim iaitu “Sebaik-baik pemimpin adalah kamu mengasihi mereka dan mereka mengasihi kamu, kamu men-

doakan mereka dan mereka juga mendoakan kamu.”

Kupasan inti pati hadis itu diselarikan dengan agenda kesejahteraan yang menekankan kerajaan dan rakyat saling kasih mengasihi, saling mendoakan dan saling bantu-membantu.

Beliau berterima kasih kepada hampir 600 anak-anak Kelantan di Perantauan Zon Selatan yang hadir memeriahkan majlis kelolaan Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) melalui Unit Hubungan Seranta dengan kerjasama Persatuan Anak Kelantan Perantauan Malaysia (PERA-

KAN).

Hadirin dihiburkan dengan persembahan dikir barat oleh PERAKAN Kulai.

Program jelajah PMBI siri terakhir bagi tahun 2024 itu dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud.

Hadir sama menyeri majlis, mantan Menteri Besar YB Ustaz Dato’ Bentara Kanan Ahmad Yakob dan Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) Kelantan YB Dato’ Abdul Rahman Yunus dan Pengarah UPKN Razuan Awang Hamad.



KUNJUNGAN DUTA BESAR CHINA KE KELANTAN PERKUKUH HUBUNGAN DIPLOMATIK



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 15 Januari – Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Dr. Mohamed Fadzli Hassan menyifatkan bahawa kunjungan Duta Besar China ke Malaysia TYT Ouyang Yujing, ke Kelantan memperkukuh hubungan diplomatik di antara Malaysia dan China yang telah terjalin lebih 50

tahun.

Menurutnya, pertemuan tersebut memberi tumpuan kepada potensi kerjasama strategik dalam pelaburan dan peluang pembangunan ekonomi di antara Kelantan dan China.

Antara bidang yang diketengahkan termasuk teknologi, pendidikan, dan kebudayaan, yang dilihat mampu membawa kemakmuran

kepada rakyat.

Beliau juga menegaskan keunikan masyarakat Cina di Kelantan yang fasih bertutur dalam dialek tempatan, menjadi simbol perpaduan dan keharmonian antara kaum.

“Keakraban antara kaum serta toleransi yang tinggi menjadikan Kelantan contoh perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara

ini,” katanya.

Perkara tersebut disuarakan Dato’ Dr. Fadzli mewakili Menteri Besar Kelantan sempena kunjungan hormat diplomat itu ke Mabn pada Selasa.

Turut hadir, Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar (B) Dato’ Md Anizam Ab Rahman.



KELANTAN-KPKM BERKERJASAMA LAKSANAKAN 11 PROJEK BERNILAI RM8.174 JUTA



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 13 Januari – Dalam usaha memperkukuhkan sektor pertanian ke arah Baloh Makanan Negara, Kerajaan Negeri Kelantan menjalin kerjasama strategik dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) membabitkan pelaksanaan 11 projek bernilai RM8.174 juta.

Exco Pertanian, Industri Agro-

makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail memaklumkan bahawa sinergi tersebut dijangka melonjakkan produktiviti dan pendapatan petani serta penternak di negeri ini.

“Projek-projek yang dilaksanakan di bawah kerjasama ini meliputi pelbagai aspek dalam sektor pertanian, antaranya pembangunan infrastruktur pengairan, pembinaan reban ayam automatik, akuakultur

ikan air tawar dan program keterjaminan pengeluaran oleh penternak akuakultur,

Di samping projek penanaman bawang secara komersial, program mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar, dan projek komuniti usahawan tani ternakan ayam penelur juga berjaya dilaksanakan.

“Selain itu, projek pembangunan mampan dan penyelidikan Wagyu Malaysia serta projek menaik taraf pusat pemprosesan media tanaman sabut kelapa turut dilaksanakan bagi mempelbagaikan hasil pertanian dan meningkatkan nilai tambah produk,” jelasnya.

Beliau juga menegaskan bahawa kerjasama itu merupakan satu langkah proaktif kerajaan negeri dalam merealisasikan aspirasi Kelantan sebagai baloh atau jelapang makanan negara.

“Pelaksanaan projek-projek ini dapat meningkatkan pendapatan

petani dan penternak dan menjamin bekalan makanan segar dan berkualiti tinggi kepada rakyat,” katanya di Majlis Taujihah Pertanian sempena Tahun Baharu 2025 di sebuah hotel di sini, hari ini.

Tambahnya, kerajaan negeri turut memohon peruntukan lebih RM650 juta daripada Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi membiayai pelaksanaan 109 projek pertanian yang lain.

“Dengan sokongan padu daripada Kerajaan Persekutuan, kita yakin sektor pertanian Kelantan akan terus berkembang pesat dan menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negeri,” ujarnya.

Majlis kelolaan Unit Perancang Ekonomi Kelantan (UPEN) itu dihadiri lebih 30 agensi portfolio berkaitan.

Turut hadir, Timbalan exco YB Dato' Shaari Hussain.

KEBERSIHAN LUARAN CERMINAN KESUCIAN DALAMAN - DATO' DR. MOHAMED FADZLI

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 13 Januari - Timbalan Menteri Besar YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan menegaskan bahawa kebersihan dalam Islam merangkumi aspek zahir dan batin, menjaga kebersihan luaran mencerminkan kesucian dalaman.

Katanya, Islam mengajar kita bahawa kebersihan bukan sahaja berkaitan dengan tubuh badan dan persekitaran tetapi juga jiwa dan hati yang bersih.

“Dalam usaha untuk merealisasikan nilai ini, Kerajaan Negeri telah melancarkan Kempen Kelantanku Bersih sebagai langkah proaktif ke arah menjadikan kebersihan sebagai budaya hidup.

“Peruntukan sebanyak RM12 juta bagi tahun 2025 akan digunakan untuk mempergiatkan usaha kebersihan di seluruh negeri.

“Ini termasuk pendidikan awal tentang kebersihan, penguatkuasaan undang-undang dan kempen berterusan yang bertujuan memupuk kesedaran dalam kalangan



masyarakat tentang pentingnya kebersihan dalam kehidupan seharian,” katanya ketika merasmikan Majlis Sambutan Hari Kelantanku Bersih 2024 di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, pada Ahad.

Dalam majlis itu juga beliau mengagihkan Bayaran Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF) Fasa 1 kepada seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kelantan berjumlah RM3,334,577.45.

Untuk rekod, semua PBT berjaya mencapai status Bandar Mampan dan juga Bandar Bahagia bagi tahun 2024 dan empat PBT Kelantan telah berjaya menjulang

anugerah berpresij peringkat nasional dan antarabangsa.

Antaranya, MPKB-BRI meraih 5 Bintang Anugerah Penarafan PBT Malaysia, Sijil Audit Bersih Tanpa Teguran dan diiktiraf sebagai Bandar ke-16 Terbaik Asean dan ke-433 Bandar Terbaik Dunia Tahun 2024 selain Champion: Ease Of Doing Business daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Manakala Daerah Jeli pula mendapat 4 Bintang Anugerah Penarafan PBT Malaysia dan telah dinobatkan sebagai Bandar Ke-2 Paling Bahagia di Malaysia, penarafan Asean Clean Tourist Award 2024-

2026.

Sementara Majlis Daerah Kuala Krai dan Majlis Daerah Tumpat turut telah mendapat 4 Bintang Anugerah Penarafan PBT Malaysia.

Turut dihargai, penglibatan PUSPANITA Kelantan bersama tujuh buah sekolah yang menjayakan kempen kitar semula kepada para pelajar di sekolah masing-masing. Mereka menerima Anugerah Khas di bawah Program Komuniti Amalan Hijau (PKAH) Kelantan.

Bermula tahun 2025 program PKAH diperluaskan kepada komuniti awam.



RM71,000 GANJARAN UNTUK PEMENANG PERTANDINGAN KELANTANKU BERSIH 2024



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 13 Januari – Kerajaan Negeri Kelantan memperuntukkan sejumlah RM71,000 sebagai hadiah keseluruhan kepada pemenang Pertandingan Kelantanku Bersih 2024, melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Ikon Kebersihan yang berjaya memacu usaha menjaga kebersihan di negeri ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah menzahirkan penghargaan kepada semua 12 PBT di negeri ini yang aktif melaksanakan pelbagai program kebersihan sepanjang tahun.

Beliau turut menyeru agar agensi-agensi kerajaan, institusi pendidikan, NGO, syarikat korporat,

dan masyarakat umum terus terlibat secara aktif.

“Sepanjang tahun 2024, Program Kelantanku Bersih telah diperkasakan dengan Jelajah Kelantanku Bersih ke PBT dan program gotong-royong di lokasi tumpuan ramai. Usaha ini menunjukkan kesungguhan semua pihak dalam memastikan kebersihan dan keceriaan persekitaran,” kata YB Hilmi.

Menurutnya, program itu turut dirancang dengan Pertandingan Kelantanku Bersih yang melibatkan enam kategori utama bagi menggalakkan persaingan sihat dalam usaha mengekalkan kebersihan.

Mendahului senarai pemenang, Majlis Daerah Jeli membawa pulang wang tunai RM15,000 ber-



serta sijil penghargaan dan trofi Anugerah Kecemerlangan PBT manakala Johan Taman Perumahan Terbersih, Taman Guru, Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandar Raya Islam.

Disusuli Kategori Taman Rekreasi PBT Terbersih dan Ceria pula dimenangi oleh Taman Perbandaran Tengku Anis Kota Bharu, dengan hadiah RM5,000, trofi, dan sijil penghargaan. Diikuti Johan Taman Perumahan Terbersih disandang oleh Taman Guru, Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandar Raya Islam, yang menerima RM5,000, trofi, dan sijil penghargaan.

Menarik sekali apabila Pasar Awam Laloh, Kuala Krai muncul sebagai Pasar Awam PBT Terbersih. Begitu juga Tandas Awam

Pantai Irama, Bachok menjuarai kategori Tandas Awam PBT Terbersih. Kedua-dua pemenang diganjar wang tunai RM5,000, sijil penghargaan dan trofi.

Ikon Kebersihan PBT dianugerahkan kepada Mohd Sobri bin Abd Razak dari Majlis Daerah Kuala Krai, manakala Anugerah Khas Ikon Anak Muda Kebersihan pula diraih Tik Toker Kay Chanel Nik Ahmad Kaysfi Nik Zamani. Kedua-duanya membawa pulang RM1,000, trofi, dan sijil penghargaan.

YB Hilmi mengucapkan tahniah kepada semua pemenang dan berharap penganjuran pertandingan tersebut dapat terus menyemai semangat cintakan kebersihan dalam kalangan masyarakat.

“Amalan kebersihan bukan sekadar tanggungjawab individu, tetapi usaha kolektif semua pihak. Semoga Pertandingan Kelantanku Bersih ini menjadi platform untuk memupuk budaya kebersihan dan menjadikan negeri Kelantan lebih ceria dan indah,” ucapnya dalam Majlis Sambutan Hari Kelantanku Bersih 2024 di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, pada Ahad.

KERJASAMA YIK-MAJLIS PIMPINAN ISLAM KEMBOJA BERJAYA, 119 PELAJAR MADRASAH AN-NI'MAH DUDUKI SMU

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 15 Januari – Kerjasama erat antara Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Majlis Tertinggi Pimpinan Umat Islam Kemboja membuah hasil apabila seramai 119 pelajar Madrasah An-Ni'mah Al-Islamiyyah Al-Thanawiyah, Phnom Penh, berjaya menduduki Peperiksaan Sijil Menengah Ugama (SMU) tahun ini.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital, dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, pencapaian tersebut adalah kesinambungan daripada idea yang diilhamkan oleh almarhum Tuan Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat pada tahun 2001, un-



tuk memperkukuhkan pendidikan Islam di Kemboja.

“Kerjasama ini membolehkan YIK dan Majlis Pimpinan Umat Islam Kemboja melaksanakan peperiksaan SMU di sana.

“Hasilnya, ramai asatizah berjaya dilahirkan untuk memberi khidmat kepada masyarakat Islam di negara itu, sekali gus menyumbang kepada pembangunan pendidikan Islam yang lebih menyeluruh,” ka-



tanya menerusi catatan di media sosial, pada Ahad.

Dato' Wan Roslan bersama rombongan, termasuk Timbalan Pengarah (Kenaziran) YIK Sukeri Husin, Penolong Pengarah Penilaian dan Peperiksaan YIK Anuar Rashid telah melawat Madrasah An-Ni'mah Al-Islamiyyah Al-Thanawiyah untuk menyuntik semangat kepada pelajar yang menduduki peperiksaan SMU.

Beliau menegaskan bahawa usaha gigih itu memberi impak besar kepada pelajar dan institusi pendidikan di Kemboja dan memperkukuh hubungan pendidikan di antara kedua-dua negara.

“Semoga para pelajar ini berjaya mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan dan menjadi pemangkin kepada pembangunan pendidikan Islam yang lebih gemilang pada masa depan,” ujarnya.

TIGA PRINSIP PERLU DIPEGANG OLEH AHLI MAJLIS PBT — MB KELANTAN

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 13 Januari - Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu memegang tiga prinsip yang telah dipamerkan oleh Nabi Syuib a.s bagi memastikan pentadbiran negeri sentiasa terarah kepada kesejahteraan rakyat dan mendapat keberkatan serta keredaan daripada Allah SWT,” kata Menteri Besar YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud.

Menurutnya, prinsip tersebut bertitik tolak daripada kisah Nabi Syuib a.s yang telah mempamerkan prinsip kepimpinan yang berguna sebagai seorang pemimpin.

“Tiga prinsip tersebut adalah menggariskan keutamaan dan memperbaiki masyarakat tanpa ada agenda peribadi, menyedari bahawa keberhasilan adalah dengan izin dan bantuan Allah SWT, serta menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah dan integriti berlandaskan keadilan.

“Ketiga-tiga prinsip tersebut seharusnya menjadi pegangan kukuh semua Ahli Majlis dan pemimpin masyarakat dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan demi mencapai kesejahteraan dan kemakmuran negeri,” ulasnya ketika merasmikan Majlis Penyempaihan Watak Pelantikan Ahli Majlis



PBT Negeri Kelantan tahun 2025, di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Tambah beliau, Ahli Majlis bukan sekadar memegang jawatan, bahkan menjadi penjawat amanah yang bertanggungjawab memainkan peranan dalam memastikan kehendak kerajaan negeri dapat dilaksanakan dengan sempurna.

“Kita kena ingat bahawa jawatan dan amanah yang kita pikul ini akan dipersoal di hadapan Allah SWT pada hari akhirat.

“Jawatan yang diberikan ini bukanlah suatu kurniaan atau kemuliaan, tetapi merupakan suatu taklifan iaitu bebanan yang mesti dipikul dan dilaksanakan serta ditunaikan dengan sebaik-baiknya.”

Dato’ Mohd Nassuruddin turut menegaskan bahawa Ahli Majlis PBT perlu menjadi jambatan penghubung antara rakyat dan kerajaan dengan menyampaikan maklumat kerajaan kepada rakyat agar rakyat bergerak seiring dengan hasrat kerajaan.

Beliau juga menyeru Ahli Majlis sentiasa berwaspada dan memastikan setiap keputusan yang diambil adalah adil dan saksama.

“Di sinilah pentingnya hikmah dalam mengambil sebarang keputusan supaya keputusan yang dibuat memberikan kebaikan kepada semua pihak, sama ada dalam aspek pentadbiran mahupun yang berkaitan dan memberi kesan kepada politik secara umum,” tambah-nya.

“

Ketiga-tiga prinsip tersebut seharusnya menjadi pegangan kukuh semua Ahli Majlis dan pemimpin masyarakat dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan demi mencapai kesejahteraan dan kemakmuran negeri.”

Untuk rekod, seramai 288 Ahli Majlis dari 12 PBT menerima watak pelantikan daripada Menteri Besar hari ini.

Hadir sama, YB Timbalan Menteri Besar Dato’ Dr Mohamed Fadli Hassan, mantan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Bentara Kanan, Ustaz Dato’ Ahmad Yakob, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato’ Kaya Setia Dato’ Nazran Muhammad, Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan YB Dato’ Idham Abdul Ghani, Pegawai Kewangan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa, Dato’ Tengku Faziharudean Tengku Feissal, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan Negeri Kelantan, Yang Dipertua PBT dan ketua jabatan.



KELANTAN BELANJA RM28.6 JUTA BANTU SELURUH PBT TAHUN 2024



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 14 Januari - “Kerajaan Negeri Kelantan telah membelanjakan sebanyak RM28.6 juta bagi bantuan kewangan kepada seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada tahun 2024,” kata Exco Kerajaan Tempatan Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, YB Hilmi Abdullah.

Menurut YB Hilmi, daripada jumlah tersebut, bantuan untuk projek-projek pembangunan mendapat peruntukan tertinggi iaitu sebanyak RM16.2 juta.

“Bantuan perbelanjaan bagi kebersihan dan keceriaan menerima sebanyak RM7.8 juta, pengurusan sisa pepejal mendapat RM1.5 juta, pemberian mengurus PBT sebanyak RM369 ribu, manakala Sumbangan Membantu Kasar (SMK) dan pemberian pengecualian cukai taksiran bawah RM50 menerima bantuan sebanyak RM2.6 juta.”

Beliau berkata demikian ketika memberi ucapan aluan di Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli Majlis PBT Negeri Kelantan tahun 2025, di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim pada Isnin.

Tambahnya, bagi tahun 2025 pula, Kerajaan Negeri Kelantan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM41 juta bagi bantuan kewangan kepada PBT.

“Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan negeri yang telah meluluskan peruntukan tersebut.

“Semoga ia akan menjadi pe-

yuntik semangat kepada PBT untuk merancang dan menggiatkan lagi kempen Kelantanku Bersih, sekali gus dapat mencapai objektif kerajaan negeri untuk melestarikan alam sekitar di bumi Kelantan ini,” ujarnya.

Mengulas mengenai pelantikan Ahli Majlis PBT, YB Hilmi menjelaskan bahawa Ahli Majlis merupakan tonggak utama yang memainkan peranan penting dalam

pengurusan dan pembangunan dalam sesebuah pentadbiran kerajaan tempatan.

“Mereka berfungsi sebagai penggubal dasar, perancang pembangunan dan berkhidmat untuk masyarakat.

“Dengan pelantikan ini, besarlah harapan kerajaan negeri agar semua Ahli Majlis yang dilantik dapat memberi komitmen yang cemerlang serta berani melakukan perubahan ke arah kebaikan dan kemajuan PBT.

“Ahli Majlis juga hendaklah melaksanakan amanah kepada masyarakat setempat dengan penuh integeriti, seiring dengan usaha kerajaan untuk merealisasikan “Kelantan Maju, Rakyat Sejahtera,” jelasnya.

Untuk rekod, Kerajaan Negeri Kelantan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke-24 yang bersidang pada 4 Disember 2024 telah bersetuju untuk melantik seramai 288 orang Ahli Majlis PBT bagi tahun 2025.

Antaranya, Pengarah Urus Setia Penerangan dan Komunikasi

Negeri Kelantan (UPKN) Razuan Awang Hamad, Penolong Pengarah Penerangan UPKN R. Hareetaran dan Penolong Pegawai Penerangan UPKN Lim Guan Seng.

Majlis yang dirasmikan oleh Menteri Besar YAB Dato’ Panglima Perang, Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud itu juga diserikan dengan kehadiran timbalannya, YB Dato’ Dr Mohamed Fadzli Hassan, mantan Menteri Besar YB Dato’ Bentara Kanan Ustaz Dato’ Ahmad Yakob dan Setiausaha Kerajaan Negeri YB Dato’ Kaya Setia Dato’ Nazran Muhammad.

Turut serta, Penasihat Undang-Undang Negeri YB Dato’ Idham Abdul Ghani, Pegawai Kewangan Negeri YBM Tengku Kaya Perkasa Dato’ Dr Tengku Mohamed Faziharudean Tengku Feissal, Timbalan Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Dato’ Abdul Rahman Yunus, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Negeri (ADN), Ahli Dewan Rakyat (ADR), Yang Dipertua PBT dan ketua-ketua jabatan.



PENDUDUK, PENGUSAHA RESORT DISERU LAPOR SEGERA JIKA HAKISAN BERLAKU

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 16 Januari – Kerajaan Negeri Kelantan menggesa penduduk serta pengusaha tempat peranginan (resort dan chalet) di seluruh negeri ini segera melaporkan sebarang kejadian hakisan pantai dan sungai yang mungkin berlaku akibat musim tengkujuh.

Sebelum ini, beberapa kawasan peranginan pesisir Pantai Kandis, Bachok, terjejas apabila fenomena air pasang besar dan ombak setinggi tiga meter menyebabkan hakisan kecil serta kerosakan landskap. Fenomena ini turut membawa sampah sarap ke pantai, mencemarkan persekitaran.

Sehubungan itu, Timbalan Menteri Besar YB Dato’ Dr. Mohamed Fadzli Hassan berkata dalam mesyuarat exco semalam, Exco Kerjaya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato’ Dr. Izani



Husin memaklumkan bahawa setakat ini Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan tidak menerima sebarang laporan berkaitan hakisan serius di Kelantan yang merosakkan harta awam.

“Fenomena hakisan kecil memang lazim berlaku semasa musim tengkujuh dan air laut pasang besar, tetapi kejadian yang menjejaskan harta benda atau infrastruktur awam setakat ini belum dilaporkan,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Mesyuarat Ker-

ajaan Negeri di Kompleks Kota Darulnaim, pada Rabu.

Tambahnya, kerajaan negeri komited memantau situasi sepanjang musim tengkujuh sebagaimana jangkaan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) yang meramalkan Monsun Timur Laut (MTL) berterusan sehingga Mac 2025 dengan lima hingga tujuh episod hujan lebat dijangka sepanjang tempoh itu.

Oleh itu, beliau menyeru penduduk dan pengusaha resort yang terjejas tampil membuat aduan bagi



membolehkan tindakan pemantauan segera diambil.

“Di Terengganu, kita dapat maklumat beberapa kejadian hakisan telah berlaku. Walaupun begitu, kita sentiasa berjaga-jaga kerana musim tengkujuh ini belum tamat sepenuhnya.

“Jika berlaku hakisan di kawasan kita, saya menyeru semua pihak terbabit untuk segera membuat laporan supaya kerajaan negeri dapat mengambil tindakan yang sewajarnya, insya-Allah,” ujar.

KERJA-KERJA PEMASANGAN LANDASAN ECRL MARAN KE KOTA BHARU SIAP LEBIH AWAL



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 16 Januari – Kerajaan Negeri Kelantan menggesa penduduk serta pengusaha tempat peranginan (resort dan chalet) di seluruh negeri ini segera melaporkan sebarang kejadian hakisan pantai dan sungai yang mungkin berlaku akibat musim tengkujuh.

Sebelum ini, beberapa kawasan peranginan pesisir Pantai Kandis,

Bachok, terjejas apabila fenomena air pasang besar dan ombak setinggi tiga meter menyebabkan hakisan kecil serta kerosakan landskap. Fenomena ini turut membawa sampah sarap ke pantai, mencemarkan persekitaran.

Sehubungan itu, Timbalan Menteri Besar YB Dato’ Dr. Mohamed Fadzli Hassan berkata dalam mesyuarat exco semalam, Exco Kerjaya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB

Dato’ Dr. Izani Husin memaklumkan bahawa setakat ini Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan tidak menerima sebarang laporan berkaitan hakisan serius di Kelantan yang merosakkan harta awam.

“Fenomena hakisan kecil memang lazim berlaku semasa musim tengkujuh dan air laut pasang besar, tetapi kejadian yang menjejaskan harta benda atau infrastruktur awam setakat ini be-

lum dilaporkan,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Kompleks Kota Darulnaim, pada Rabu.

Tambahnya, kerajaan negeri komited memantau situasi sepanjang musim tengkujuh sebagaimana jangkaan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) yang meramalkan Monsun Timur Laut (MTL) berterusan sehingga Mac 2025 dengan lima hingga tujuh episod hujan lebat dijangka sepanjang tempoh itu.

Oleh itu, beliau menyeru penduduk dan pengusaha resort yang terjejas tampil membuat aduan bagi membolehkan tindakan pemantauan segera diambil.

“Di Terengganu, kita dapat maklumat beberapa kejadian hakisan telah berlaku. Walaupun begitu, kita sentiasa berjaga-jaga kerana musim tengkujuh ini belum tamat sepenuhnya.

“Jika berlaku hakisan di kawasan kita, saya menyeru semua pihak terbabit untuk segera membuat laporan supaya kerajaan negeri dapat mengambil tindakan yang sewajarnya, insya-Allah,” ujar.



KERJA-KERJA PEMASANGAN LANDASAN ECRL MARAN KE KOTA BHARU SIAP LEBIH AWAL

AFHAM NAIB JUARA KEJOHANAN GOLF REMAJA DUNIA, KEBANGGAAN KITA - YB ZAMAKHSHARI

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 15 Januari – Muhammad Afham Othman, 13, anak jati Gua Musang berjaya mengharumkan nama Kelantan dan Malaysia apabila dinobatkan sebagai Naib Juara dalam Junior World Cup Invitation.

Kejohanan tersebut berlangsung di Santa Lucia River Club, Florida, Amerika Syarikat pada 3 dan 5 Januari lalu.

Sehubungan itu, Exco Belia, Sukan, NGO, dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad, mengucapkan tahniah kepada Afham atas pencapaian luar biasa itu dan menyifatkannya sebagai simbol kebanggaan generasi muda Kelantan.

“Kejayaan Afham amat membanggakan kita semua. Walaupun baru berusia 13 tahun, beliau telah mengukir nama di persada antarabangsa dan menjadi inspirasi buat anak muda lain,” katanya.

Afham yang juga hafiz lima juzuk al-Quran itu berjaya mencatat skor 79, 77, dan 76 dalam kate-



gori Middle School (13-14 tahun), menewaskan puluhan peserta dari pelbagai negara dalam kejohanan berprestij tersebut yang disertai 78 pemain.

Kejayaan itu juga mencapai sasarannya untuk menempatkan diri antara lima pemain remaja terbaik dunia.

Selain kejayaan di Florida, Afham turut cemerlang dalam beberapa kejohanan antarabangsa sepanjang tahun 2024, termasuk Juara (U14), Singapore Junior Golf Championship, Keppel Golf Club, Singapura (5-7 Jun 2024).

Juara Keseluruhan First Jakarta Golf Club Junior Invitational, Ja-

karta Golf Club, Indonesia (20-22 Ogos 2024).

Naib Juara Mazda US College Prep Junior Golf Championship, Hua Hin Golf Club, Thailand (8-10 November 2024).

Juara (U14) IJG Gosnells Junior Invitational, Gosnells Golf Club, Perth, Australia (16-18 Disember 2024).

Afham juga mendominasi kejuaraan tempatan dengan membuktikan keunggulannya di tanah air dengan pencapaian Juara Keseluruhan SportExcel Golf Remaja Malaysia, Bukit Kemuning Golf Club (9-11 Julai 2024).

Juara Malaysian International



Junior Open, Tanjong Puteri Golf Club, Johor (22-24 November 2024).

Atas kejayaan cemerlang YB Zamakhshari mengakui bahawa Afham seorang yang luar biasa, dengan pencapaian hebat di usia muda.

“Saya yakin beliau akan terus mencipta kejayaan lebih besar pada masa hadapan,” katanya, ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, pencapaian Afham tidak hanya membanggakan Kelantan tetapi juga seluruh negara.

Sekali gus meletakkan beliau sebagai harapan besar dalam arena golf remaja di peringkat dunia.

PENIAGA DI TEPI JALAN, RUMAH TIDAK DIWAJIBKAN ADA SIJIL HALAL



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 15 Januari – Kerajaan Negeri Kelantan tidak mewajibkan peniaga kecil di tepi jalan atau rumah untuk mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) bagi memperbaharui lesen perniagaan mereka.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, YB Hilmi Abdullah berkata syarat itu hanya dikenakan kepada tujuh kategori premis perniagaan yang beroperasi pada skala besar, seperti restoran di pasar raya, kios di lapangan terbang dan restoran be-

rantai.

“Kerajaan tidak mewajibkan peniaga kecil seperti peniaga air batu atau pisang goreng di tepi jalan mengambil SPHM.

“Namun, kita menggalakkan mereka berbuat demikian bagi meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap kebersihan dan kesucian produk mereka.

“Isu ini timbul kerana terdapat salah faham dan kenyataan sebenar diputar belit hingga kelihatan seolah-olah semua peniaga diwajibkan memohon sijil halal,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyampaian Watakah Pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, pada Selasa.

Media sebelum ini melaporkan bahawa antara premis yang diwajibkan mendapatkan SPHM ialah

restoran, kios, dan medan selera dalam pasar raya.

Termasuklah restoran berantai yang mempunyai lebih daripada satu cawangan, restoran makanan segera dan dapur hotel.

Begitu juga kedai kek dan roti, kilang memproses makanan dan minuman serta pusat penyembelihan ayam.

YB Hilmi menegaskan bahawa premis-premis tersebut beroperasi pada skala besar dan memberi kesan langsung terhadap persepsi industri halal di Kelantan.

Sementara itu, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud pula menolak dakwaan bahawa pelaksanaan syarat tersebut dilakukan secara tergesa-gesa.

“Syarat ini bukan langkah tergesa-gesa. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) melalui

Jabatan Halal telah mengadakan kursus dan taklimat kepada usahawan yang berminat mendapatkan sijil halal.

“Mesyuarat Majlis Pembangunan Halal Kebangsaan juga bersetuju untuk menyeragamkan pensijilan halal di seluruh negara.

“Negeri Kelantan akan menubuhkan Majlis Pembangunan Halal untuk memperkukuh industri halal di negeri ini,” katanya.

Beliau turut menekankan bahawa sijil halal bukan hanya memberi manfaat kepada umat Islam, tetapi juga kepada semua pihak atas dasar kebersihan dan kualiti.

“Bahkan, di negeri seperti Sarawak, zon halal telah diwujudkan bagi memartabatkan industri halal. Kelantan yang mempunyai 96 peratus penduduk beragama Islam amat wajar mengutamakan pensijilan halal ini,” jelasnya.